

**SIAPA** sangka, seorang remaja kampung yang dulu gemar merempit kini namanya disebut-sebut sebagai atlet kebangsaan dan mempunyai masa depan cerah dalam olahraga.

Biarpun pernah menggenggam pingat emas Sukan SEA Filipina 2019, Sadat Marzuqi Ajisan tetap merendah diri, malah berbangga menjadi wakil anak peneroka yang mencipta nama di podium antarabangsa.

Membesar di Felda Jelai, Negeri Sembilan, atlet baling tukul besi itu berkata, dia sebenarnya tidak menyangka dapat mewakili negara kerana langsung tidak mempunyai minat dalam sukan sejak kecil.

Ironinya, dia lebih suka menunggang motorsikal di sekitar kampung bersama rakan sebaya, namun segala-galanya bertukar apabila terpilih mewakili sekolah dalam sukan itu.

"Saya memang dari kecil minat main motor, saya bukannya suka sukan tapi hari pertama masuk Sekolah Menengah Kebangsaan Jelai, semua pelajar diwajibkan buat 'talent ID' iaitu cari bakat dalam bidang sukan. Rupa-rupanya sekolah itu adalah projek sukan olahraga."

"Nama saya terpilih jadi wakil sekolah. Dari wakil sekolah pergi ke peringkat daerah, dan saya menang. Kemudian pergi ke peringkat negeri pun, menang juga. Bila pergi kebangsaan, menang lagi."

"Bermula dari situ, walaupun awalnya tidak suka

# Dulu gemar 'merempit', kini Sadat wira negara

## CERITAKU



dengan sukan ini namun perlahan-lahan minat itu timbul.

"Bila difikirkan semula, lima tahun saya berlatih di sekolah bersama arwah Cikgu Azam, memang banyak kenangan pahit manis dan melucukan.

"Walaupun saya kaki motor, saya sebenarnya banyak kali merajuk dengan Cikgu Azam sebab selalu kena marah kalau saya malas berlatih.

"Dia pernah datang ke rumah hanya untuk memujuk saya. Dia mungkin garang tapi dia jurulatih yang sangat memahami bila saya tak dapat datang latihan



kerana perlu membantu ayah di kebun getah," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Mengulas mengenai kehidupan zaman remajanya di kampung, Sadat menyifatkan dirinya seorang yang nakal dan aktiviti berlumba motor dengan rakan-rakan sebaya telah menjadi rutin mingguan sebelum bergelar atlet kebangsaan sepenuh masa.

"Saya dulu memang nakal, saya pernah kena kejar dengan polis tiga kali, mujur tak pernah kena lokap. Setakat ini pun, nasib baiklah saya tak pernah alami kemalangan besar lagi tapi kalau kemalangan tak masuk

akal banyak, contohnya langgar sesama sendiri, membuat aksi terlarang, mengelak lembu.

"Walaupun begitu, menjadi anak peneroka memang seronok. Bagi saya ada dua kelebihan membesar di felda iaitu pertama, kami dapat pendidikan.

"Kedua, kami belajar cara bertani. Macam keluarga saya, dulu kebun ayah tanam pokok getah tapi sekarang dah tebang, tanam sawit pula. Saya merasa proses mananam kedua-dua jenis pokok ini," katanya.

Atlet berusia 21 tahun yang menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan pendidikan itu menyatakan cita-citanya kini untuk menjadi guru didorong oleh jurulatihnya, Gu Yuan yang telah melatihnya sejak tiga tahun lalu.

Meskipun pernah melalui fasa remaja yang 'menghiburkan', Sadat berazam untuk memperbetulkan persepsi masyarakat mengenai penglibatan sukan.

"Selepas Pra-U di SSBJ, saya minta kursus Pendidikan atas galakan Gu Yuan sebab masa depan selepas bersara terjamin dengan menjadi cikgu," ujarnya.

## SADAT MARZUQI AJISAN

- **Tarikh lahir:** 23 Januari 2001
- **Asal:** Felda, Jelai
- **Tinggi:** 1.76cm
- **Berat:** 105kg
- **Hobi:** Menunggang motorsikal
- **Pencapaian peribadi terbaik:** Sukma 2022 (60.63m)
- **Pencapaian pingat:**
  - \* Sukan SEA Filipina 2019 (emas)
  - \* Sukan SEA Vietnam 2022 (perak)



SERING mambantu bapanya menoreh getah sehingga kadangkala terlepas latihan.